



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 22/2020 dari 24 Mei hingga 30 Mei 2020)

Situasi kes Demam Denggi pada minggu ke-22 menunjukkan penurunan sebanyak 157 kes (8.8%) dimana 1,625 kes dilaporkan berbanding 1,782 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan berbanding lima (5) kematian pada minggu ke-21. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah 46,713 kes berbanding 52,941 kes bagi tempoh sama tahun 2019 (penurunan 11.8%) manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 82 kematian berbanding 81 kematian bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu peningkatan sebanyak 1 kematian (1.2%) (**Lampiran A & C**).

Kes mingguan Demam Denggi pada minggu ke-22 menunjukkan tren penurunan serta menyerupai tren graf mingguan seperti tahun sebelumnya. Graf mingguan minggu ke-22 berada di bawah graf kes mingguan Demam Denggi tahun 2019 dan kes mingguan median untuk 5 tahun bagi 2015 hingga 2019 (**Lampiran B**). Walaubagaimanapun, lokaliti hotspot meningkat sebanyak 12 lokaliti dengan sebanyak 98 lokaliti hotspot pada minggu ke-22 berbanding 86 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Sebanyak 63 lokaliti hotspot dari keseluruhan 98 lokaliti hotspot (64.3%) dilaporkan dari negeri Selangor, diikuti 20 lokaliti hotspot (20.4%) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, enam (6) lokaliti hotspot (6.1%) di Perak, empat (4) lokaliti hotspot di Negeri Sembilan (4.1%), masing-masing dua (2) lokaliti hotspot di Melaka (2.0%) dan Kelantan (2.0%) serta satu (1) lokaliti hotspot di Johor (1.0%) (**Lampiran B & D**).

Jangkitan Chikungunya melaporkan sebanyak 48 kes iaitu 21 kes dari negeri Perak dengan majoriti wabak Chikungunya berlaku di Daerah Kinta. Manakala 27 kes lagi adalah dari negeri Pulau Pinang dengan majoriti wabak berlaku di Daerah Timur Laut. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 596 (**Lampiran E**). Bagi surveilan Zika, sebanyak 735 sampel darah dan 12 sampel urin telah dijalankan saringan Zika bagi tempoh Januari hingga minggu ke-22 dan kesemuanya adalah negatif untuk Zika.


Semasa fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat pemilik premis juga perlu melakukan pembersihan di premis masing-masing dan menghapuskan tempat pembiakan Aedes setiap minggu. Pemilik premis seperti kedai dan pejabat perlu membersihkan bilik atau ruang yang lama tidak digunakan dan pastikan bebas dari pembiakan nyamuk Aedes. Pengurusan Universiti dan sekolah-sekolah swasta atau kerajaan diminta melakukan pembersihan bilik atau ruang dan bangunan secara berkala dan juga memastikan tiada pembiakan Aedes. Bekas yang menakung air yang tidak digunakan seperti lubang tandas dan kolah air perlu dibubuh bahan pembunuh jentik-jentik seperti *Temephos* setiap 3 bulan atau *Bacillus thuringiensis israelensis (Bti)* setiap 2 minggu dengan bancuhan mengikut label. Tindakan pencegahan denggi adalah sangat penting untuk menghalang penularan jangkitan Demam Denggi. Jangan alpa dan leka, Aedes tidak mengenal musim. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
3 Jun 2020




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 21 dan ke- 22 tahun 2020



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 22 tahun 2020 dan tempoh sama tahun 2019



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2020, 2019 dan Median 2015-2019



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke- 22 tahun 2020

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 22/2020
(24 Mei hingga 30 Mei 2020)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 22/2020		Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 22/2019	
		Minggu Epid 22 (24 Mei – 30 Mei 2020)		Minggu Epid 21 (17 Mei – 23 Mei 2020)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	1	0	1	0	26	0	185	0
2	Kedah	18	0	15	0	404	0	846	2
3	P. Pinang	20	0	13	0	369	1	2,743	8
4	Perak	88	0	105	2	1,697	3	1,431	2
5	Selangor	757	0	798	1	26,943	28	30,583	28
6	WP KL & Putrajaya	304	0	334	1	4,617	5	5,573	2
7	N. Sembilan	78	0	64	1	1,216	4	1,059	5
8	Melaka	47	0	66	0	976	4	878	5
9	Johor	142	0	201	0	4,111	16	4,207	12
10	Pahang	42	0	42	0	1,199	4	576	4
11	Terengganu	17	0	13	0	158	0	315	0
12	Kelantan	30	0	59	0	1,651	4	1,490	2
13	Sarawak	23	0	27	0	1,016	2	730	0
14	Sabah	58	0	44	0	2,325	11	2,303	11
15	WP Labuan	0	0	0	0	5	0	22	0
	MALAYSIA	1,625	0	1,782	5	46,713	82	52,941	81

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 22/2020
(24 Mei hingga 30 Mei 2020)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	H/Selangor	Apt Teratai Tbr Bb	129	174
2	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	37	136
3	SELANGOR	H/Langat	Jalan Bm 6/B Bandar Bukit Mahkota	56	108
4	SELANGOR	Petaling	Sek U3 (P/puri Daisy C : Blok 9-13)	18	96
5	SELANGOR	H/Selangor	Taman Cempaka	56	86
6	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	69	84
7	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Puchong	22	83
8	SELANGOR	Klang	Off Jalan Meru Jalan Muda 01	28	82
9	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 4)	9	81
10	PERAK	Kinta	Kg Das Tambahan 2	37	81
11	SELANGOR	Petaling	Sek 11 (Teres A : Jln 11/1 - 11/3)	25	80
12	WPKL	Titivangsa	Pa Desa Rejang (Blok A,B,C,D)	57	69
13	SELANGOR	Gombak	Tmn Kuang Raya	12	68
14	PERAK	Kinta	Rpt Chepor	49	64
15	SELANGOR	K/Langat	Pangsapuri Impian, Bsp	29	62
16	SELANGOR	Petaling	Sek 19 (Teres E : Jln 19/24 - 19/31)	24	61
17	PERAK	Kinta	Tmn Klebang Jaya	23	61
18	WPKL	Cheras	Flat Sri Sabah A(Blok 54-60)	24	58
19	SELANGOR	Petaling	Tmn Damai Utama 7 (P/puri Damai Utama)	21	57
20	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Indah 1 (Jln Indah 1)	17	57
21	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 5 (Jln Bk 5/9-18) & lpd Serdang	17	57
22	SELANGOR	H/Langat	Jalan Bm 6/A Bandar Bukit Mahkota	13	55
23	N SEMBILAN	Seremban	Taman Thivy Jaya	7	55
24	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 7 Shang Villa	61	54
25	SELANGOR	Petaling	Sek U5 (Nusa Subang : Jln U5/105-112b)	16	53
26	SELANGOR	Klang	Apartment Pelangi Court	10	53

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
27	SELANGOR	Sepang	Cyberia Smarhome	46	51
28	SELANGOR	Petaling	Sek 19 (Teres F : Jln 19/32 - 19/38b)	25	49
29	WPKL	L/Pantai	Tmn Gembira D (Jalan Riang 1-10)	16	48
30	SELANGOR	Petaling	Tmn Equine (Flat Putra Permai Equine Blok B)	10	48
31	SELANGOR	Gombak	Appt Perdana Park	16	48
32	WPKL	Titivangsa	Sek 1 W/Maju Blok F	22	47
33	SELANGOR	Petaling	Sek U10 (Alam Budiman : Jln U10/68-77b)	7	47
34	N SEMBILAN	Seremban	Vision Homes	9	47
35	WPKL	Putrajaya	Presint 11 - Jalan P11a5	16	46
36	WPKL	Titivangsa	Ppr Hiliran Ampang	18	46
37	SELANGOR	Sepang	Putra Perdana Fasa 08	11	46
38	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 1)	29	46
39	WPKL	L/Pantai	Vista Komanwel A	19	45
40	SELANGOR	Petaling	Pju 1a Pprt Lembah Subang 2 (Blok A - F)	17	45
41	SELANGOR	Petaling	Seksyen 22 (Pangsapuri Indahria)	18	45
42	SELANGOR	Klang	Bandar Putera 1 (01)	22	45
43	SELANGOR	H/Langat	Jalan Tkp 10-20 Taman Kantan Permai	16	45
44	PERAK	LMS	Taman Rakyat	16	44
45	WPKL	Titivangsa	Tmn Setiawangsa (Jln Bukit Setiawangsa 1-6)	8	43
46	WPKL	Cheras	Vista Tasik	26	42
47	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Sri Aman (Lrg Bestari)	7	42
48	SELANGOR	Petaling	Kota Perdana Kp 4 (Kota Impian)	10	41
49	SELANGOR	Klang	Taman Indah 01	19	41
50	WPKL	Kepong	Menara Orkid	14	40
51	SELANGOR	K/Langat	Taman Seri Telok Datok	30	40
52	SELANGOR	Petaling	Pst Bdr Puchong (Jln Wawasan 2)	9	40
53	MELAKA	Jasin	Taman Maju Fasa 3	42	40
54	WPKL	Kepong	Sri Putramas Condominium 2 (Blok A1, A2, B1, B2)	6	39
55	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 (Flat E : Blok 47 - 54)	10	39
56	SELANGOR	H/Selangor	Jalan Bunga Kertas 2 & 3, Bs	8	39

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
57	SELANGOR	H/Langat	Jalan Hentian 2-6 Hentian Kajang	13	39
58	SELANGOR	H/Langat	Jalan Saga 20-28 Taman Saga	10	39
59	SELANGOR	Klang	Apartment Sri Ayu Bandar Putera	17	39
60	SELANGOR	Petaling	Seksyen 6 (Flat A : Blok 3 - 8)	5	39
61	JOHOR	J/Bharu	Kg Dato Sul.Menteri Zon 2	7	39
62	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Perdana (Jln Teratai)	8	38
63	SELANGOR	Petaling	Kota Perdana Kp 4 (Mawar Jaya)	11	38
64	SELANGOR	H/Langat	Taman Desa Muhibbah	8	37
65	SELANGOR	H/Langat	Appt Taman Prima Cempaka	7	37
66	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa 12	7	37
67	N SEMBILAN	Seremban	Appartment Desa Palma	10	37
68	SELANGOR	H/Langat	Jalan 5c/5-5c/11 Dan Jalan 5d Taman Langat Jaya	14	36
69	SELANGOR	Petaling	Pju 8 Apt Flora Damansara 1 (Blok A,B)	6	36
70	N SEMBILAN	Seremban	Taman Coral Height	21	36
71	WPKL	Putrajaya	Presint 11 - Jalan P11a1	10	35
72	WPKL	Titiwangsa	Sek 1 (Jln 1a/27a-3a/27a)	4	35
73	WPKL	L/Pantai	Northpoint Residence Midvalley	7	34
74	WPKL	Titiwangsa	Sek 1 W/Maju Blok E	9	34
75	SELANGOR	H/Langat	Jln Cempaka 8(A),9-13 Tmn Cempaka	8	34
76	SELANGOR	Petaling	Sek 28 (Teres A : Jln 28/2 - 28/10)	4	34
77	SELANGOR	Klang	Pangsapuri Aman Perdana	6	34
78	SELANGOR	Gombak	Flat Rawang Perdana	11	34
79	PERAK	Kinta	Cherry Apartment	11	33
80	WPKL	Kepong	Pelangi Condominium (Blok A, B, & C)	22	33
81	SELANGOR	Petaling	Bt 14 Kg Bunga Melor	9	33
82	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 (Pangsapuri Ilham)	8	33
83	SELANGOR	Petaling	Seri Kembangan (Kuarters Polis & Kuarters Bomba)	14	33
84	SELANGOR	Petaling	Pju 6a Kg Sg Kayu Ara 5 (Jln Teratai,Melur,Mawar,Melati)	6	33
85	SELANGOR	Klang	Bandar Putera 1 (02)	26	33
86	WPKL	Cheras	Taman Mulia (Jalan Budiman 9-15)	8	32

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
87	SELANGOR	Petaling	Usj 2/4	7	32
88	MELAKA	A/Gajah	Batu 7 Kg Gangsa	20	32
89	KELANTAN	K/Bharu	Pulau Gajah Hilir	18	32
90	WPKL	L/Pantai	Vista Komanwel C	16	31
91	WPKL	Putrajaya	Presint 9 - Fasa 8 - Blok 8b1-8b3	7	31
92	WPKL	Titivangsa	Hampshire Residence Condo	15	31
93	SELANGOR	H/Langat	Appt Taman Perkasa Hulu Langat	10	31
94	SELANGOR	Petaling	Bdr Puteri 10	9	31
95	SELANGOR	H/Langat	Taman Dalma Semenyih	9	31
96	SELANGOR	H/Langat	Appt Citra Taman Kajang Utama	4	31
97	PERAK	Kinta	Kg Simee	11	31
98	KELANTAN	K/Bharu	Jalan Embi	9	31

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU 22/2020 (30 Mei 2020)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1	Perlis	-	-	-
2	Kedah	Kuala Muda Sik Kota Setar Baling Pendang Yan	3 2 1 1 2 1	10
3	P. Pinang	Barat Daya Timur Laut Seberang Perai Tengah	27 51 4	82
4	Perak	Larut, Matang & Selama Kampar Batang Padang Kuala Kangsar Kinta Manjung Kerian Hulu Perak	110 157 59 14 119 13 1 2	475
5	Selangor	Klang Petaling	1 2	3
6	WPKL & P	Kepong	1	1
7	N. Sembilan	-	-	-
8	Melaka	-	-	-
9	Johor	-	-	-
10	Pahang	Bera	1	1
11	Terengganu	-	-	-
12	Kelantan	Tumpat Bachok Kota Bharu Kuala Krai Tanah Merah	8 5 7 1 2	23
13	Sarawak	-	-	-
14	Sabah	Kota Kinabalu	1	1
15	WP Labuan	-	-	-
JUMLAH KUMULATIF			596	